

# Penduduk runsing diarah pindah

Tak mampu selesaikan tunggakan sewa punca terpaksa keluar rumah sebelum 1 September ini

NOR AZHAN MD GHAZALI

**SHAH ALAM** - Lebih 20 penduduk yang diarahkan berpindah ekoran kegagalan mereka melunaskan sewa rumah melalui 'Skim Smart-Sewa' di PPR Kampung Baru Hicom meminta kerajaan negeri memberi kebenaran untuk mereka terus menetap di situ.

Salah seorang penduduk terlibat, Masitah Ishak, 50-an, yang juga ibu tunggal berkata, dia menerima notis pada 1 Ogos lalu meminta mengosongkan rumah tersebut sehingga 1 September depan.

"Memang saya akui ada tunggakan sewa lebih RM1,000, saya memang tak mampu nak bayar kesemuanya serentak sehingga tempoh 31 Ogos ini kepada pihak Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB).

"Saya minta jasa baik PHSSB benarkan saya terus tinggal di sini, sedikit-tidaknya saya boleh bayar sedikit demi sedikit tunggakan itu," katanya ketika ditemui, semalam.

Dia yang tinggal di rumah ter-

sebut bersama salah seorang anak lelaki sejak enam tahun lalu berkata, dia memang tidak berkemampuan untuk melunaskan kesemua bayaran memandangkan pendapatannya hanya bergantung kepada jualan nasi lemak secara kecil-kecilan.

"Bagi kos sewa rumah pula, ia ditanggung oleh Lembaga Zakat Selangor," katanya yang dikenakan sewa bulanan RM250.

Seorang lagi penduduk, Azzun Rosman, 54, berkata, dia yang mempunyai tunggakan bil elektrik lebih RM1,000 terkejut menerima notis pengosongan rumah pada tarikh yang sama.

"Saya memang tak mampu nak bayar kesemua tunggakan kerana tidak bekerja, saya hanya bergantung harap kepada anak dan menantu yang tinggal bersama.

"Meskipun berdepan tunggakan, saya minta jasa baik kerajaan negeri tidak mengusir saya dan penduduk yang senasib dari sini. Hanya rumah ini tempat kami berteduh," katanya yang tinggal di situ sejak lima tahun lalu.

Keluhan penduduk itu mendapat perhatian badan bukan kerajaan (NGO) Selangor iaitu Kelab Harmoni Selangor (KHS) dan Pertubuhan Biro Aduan Masyarakat Selangor.

Presiden KHS, Dr V



Sunder (kanan) ketika memberi penjelasan kepada Yahaya (kiri) berkenaan masalah yang membelenggu sejumlah penduduk di situ.

Sunder berkata, seramai 26 penduduk mengadu mereka diarah mengosongkan rumah sehingga 1 September depan jika gagal menjelaskan tunggakan sehingga 31 Ogos ini.

"Meskipun penduduk berkenaan gagal membuat bayaran kesemuanya, kita minta jasa baik kerajaan negeri agar beri kebenaran kepada mereka untuk terus menetap di sini.

"Bagi kelonggaran kepada mereka untuk membuat bayaran secara ansuran, mereka memang orang susah lebih-lebih lagi mereka orang Selangor yang perlu dibantu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Biro Aduan Masyarakat Selangor, Nazillah Idris berkata, pihaknya dan KHS akan membawa senarai penduduk yang terlibat kepada PHSSB minggu depan bagi meminta pembatalan notis tersebut termasuk memberi kelonggaran syarat bagi membolehkan mereka terus menetap di PPR ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Komuniti Pangsapuri PPR Kampung Baru Hicom, Yahaya Abdul Aziz berkata, pihaknya kesal kerana penduduk tidak memaklumkan kepada persatuan berkenaan masalah terbabit.

"Sepatutnya mereka mengadu pada kita, sekurang-kurangnya kita cuba bantu.

"Tempoh yang berbaki semakin hampir 31 Ogos, saya minta kesemua penduduk terbabit bekerjasama antara satu sama lain membawa masalah ini kepada kita bagi membolehkan kita mencari jalan penyelesaian secara bersama," katanya.

Terdahulu, PHSSB mengeluarkan notis penamatan dan pengosongan unit kepada penduduk terlibat bertarikh 1 Ogos lalu meminta mereka menjelaskan tunggakan sebelum 31 Ogos ini.

Kegagalan berbuat demikian menyebabkan penyewaan rumah akan ditamatkan dan rumah mereka akan disita pada 1 September depan.

Skim Smart-Sewa diperkenalkan kerajaan Selangor bagi membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah.

Sebelum ini, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, skim itu akan membantu golongan berpendapatan sederhana menyewa, sebelum mereka mampu membeli rumah di Selangor.

"Tempoh sewa minimum adalah dua tahun dan maksimum lima tahun. Menerusi program ini, penyewa akan mendapat balik 30 peratus jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan," katanya.



**KLIK**

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar memaku siling bumbung sebagai simbolik program baik pulih rumah secara bergotong-royong di Kampung Bestari Jaya yang turut dihadiri, Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak.

## Dakwaan penduduk tak benar

**SHAH ALAM** - Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dikejutkan dengan teresabarnya satu rakaman video berdurasi dua minit yang ditularkan menerusi laman sosial *Youtube* bertajuk 'Aduan Penyewa PPR Kampung Baru Hicom', pada 20 Ogos lalu.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pihak pengurusan PPR Kampung Baru Hicom, Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) tampil menjawab dan menafikan segala tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan

negeri.

"Menurut PHSSB apa yang ditularkan di dalam media sosial adalah bertentangan dengan apa yang berlaku. Ini ditambah ada pihak-pihak tertentu mensensasikan isu ini dengan tujuan memberi gambaran buruk kepada pentadbiran kerajaan negeri.

"Pihak PHSSB telah meminta penyewa yang masih mempunyai tunggakan untuk hadir ke pejabat pengurusan sebelum 7 Ogos 2017 untuk membuat penjadualan semula secara ansuran tunggakan yang di-

tanggung oleh penyewa," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata, PHSSB melaporkan, sehingga Jun 2017 seramai 184 penyewa masih mempunyai tunggakan yang berjumlah keseluruhan sebanyak RM337,075.

Katanya, setelah notis dikeluarkan pada 1 Ogos, seramai 98 penyewa tampil ke pejabat pengurusan dan bersetuju untuk membuat bayaran tunggakan mereka secara ansuran.

"Tindakan mengeluarkan notis pengosongan kediaman hanya diberikan kepada 86 lagi penyewa yang degil dan masih gagal hadir ke pejabat pengurusan, walaupun peringatan diberikan," katanya.

**Menurut PHSSB apa yang ditularkan di dalam media sosial adalah bertentangan dengan apa yang berlaku.** - Iskandar

